

gaya hidup

RENUNGAN RAMADAN

“Ketibaan Syawal esok merupakan hari kemenangan dan penuh kegembiraan. COURTS mengucapkan selamat Hari Raya kepada semua umat Islam S'pura.”

Kerusi Bulat Alena
RRP: 25.90
Kini: \$12.90 – Beli satu dan dapatkan satu lagi percuma
Perjimilan: \$13



QR: Which seat did you like more today?



Dibawakan

COURTS

Pasukan silat S'pura gondol 7 emas dalam kejohanan di Korea

FAKHRURAZDI ISMAIL
milsrai@spn.com.sg

MESKIPUN perlu menahan lapar dan dahaga, skuad silat Singapura masih berjaya menunjukkan persembahan yang cemerlang di Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Kedua di Korea Selatan.

Pasukan 'gagah' Singapura yang terdiri daripada 10 pesilat tidak mengecewakan apabila muncul sebagai juara keseluruhan selepas mengondol sembilan pingat di kejohanan yang berlangsung dari 30 Mei hingga semalam di bandar Gongju.

Kalangan pingat emas itu diketuai dengan tiga pingat emas yang dimenangi juara dunia kategori seni Muhammad Iqbal Abdul Rahman (Seni Tunggal Puteri) dan Nurzuhairah Mohd Yazid (Seni Tunggal Puteri) serta gandingan Nur Azlyana Ismail dan Nurhanisah Shahrudin (Seni Ganda Puteri).

Bekas pesilat muda negara turut menyerlah dengan Sheik Fayz Sheik Alau'ddin yang bertanding dalam kategori Kelas F Lelaki Senior, berjaya menundukkan lawan beliau dari Korea Selatan 3-2 untuk merebut pingat emas.

Tiga pesilat lain – Nur Shaqira Sheik Alau'ddin (Pra-Junior Perempuan), Yusri Yusoff (Kelas A Junior Lelaki) dan Aniq Asri Mohd Yazid (Kelas D Junior Lelaki) – turut memperkakan peningkatan membarangsangkan dengan masing-masing menyumbangkan pingat emas.

Selain tujuh emas itu, satu perak dan satu gangsa juga berjaya diperolehi oleh pasukan negara.

Pesilat muda, Muhammad Naufal Abdullah, meraih pingat perak manskala Nadhrhah Sahrin yang bertanding dalam kategori Kelas A Wanita buat julung kalinya mendapat pingat gangsa.

Mengulas prestasi anak didiknya, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Pencak Silat Singapura (Persisi), Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, yang berasa bangga berkata:

“Pesilat kami telah memaparkan persembahan yang baik di kejohanan ini, terutama pesilat muda kami.

“Mereka tahu akan tahap prestasi yang perlu



PESILAT NEGARA MENYERLAH: Skuad Silat Singapura yang diimpin Sheik Alau'ddin Yacoob Marican (barisan belakang, tengah), memaparkan prestasi baik di Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Kedua di Korea Selatan dan berjaya mengumpul tujuh pingat emas, satu perak dan satu gangsa. – Foto PERSISI

dikekalkan dan mereka telah menunjukkan semangat dan kesungguhan untuk mencatat kemenangan.

“Perjalanan ketika kejohanan ini tidak mudah, dengan ada di antara mereka yang mengambil keputusan untuk meneruskan puasa mereka.

“Ia juga satu ujian yang penting buat mereka secara fizikal dan mental dan mereka lulus mengahaminya.”

Menurut Sheik Alau'ddin lagi, beliau telah menyertakan dua pesilat mudanya – Sheik Fayz dan Nadhrhah – untuk bertanding dalam kategori

senior buat pertama kalinya.

Keputusan yang diraih kedua-dua pesilat itu amat membanggakan, dan ia merupakan pengalaman dan persiapan yang berharga bagi mereka untuk kejohanan utama di masa hadapan, kongresnya lagi ketika dihubungi Berita Harian (BH).

Kejohanan yang diadakan buat julung kalinya tahun lalu dan dianjurkan Persekutuan Pencak Silat Korea Selatan (SKTSP) telah disertai tujuh pasukan, termasuk Korea Selatan selain tuan rumah, Singapura, Malaysia, Indonesia, China, Uzbekistan dan Jepun.

“Pesilat kami telah memaparkan persembahan yang baik di kejohanan ini, terutama pesilat muda kami. Mereka tahu akan tahap prestasi yang perlu dikekalkan dan mereka telah menunjukkan semangat dan kesungguhan untuk mencatat kemenangan.”

– Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, CEO Persisi.



DI SEBALIK TABIR: Pasukan Sweet di belakang filem pendek 'Suryi' yang dihasilkan bagi Zakat SG termasuk (dari kiri) Enck Ted Chen, Cik Elvina Farkas, Enck Khidir Kassim, Cik Katherine Goh dan Cik Ghia Noi Kheng. – Foto BH oleh TED CHEN

Filem pendek unit pemasaran SPH tentang zakat dapat reaksi positif

ERVINA MOHD JAMIL
erhivina@sph.com.sg

Ini merupakan projek pertama mereka tetapi filem pendek yang dihasilkan mereka bagi Zakat SG berjaya menambat dan menyentuh hati ramai orang.

Sejak dimuat naik ke Facebook sekitar tiga minggu lalu, filem lebih empat minit bertajuk 'Suryi' yang dihasilkan Sweet, sebuah unit pemasaran kelulusan dan kreatif baru Singapore Press Holdings (SPH), itu telah ditonton lebih 1.7 juta kali.

Namun lebih daripada komen positif, jumlah filem itu dikongsi di media sosial serta 'like' yang diraih, Ketua Pasca Perbitan Sweet, Cik Ghia Noi Kheng, 37 tahun, berkata mereka berharap ia dapat mendorong masyarakat tampil menyumbang dan menderma kepada golongan yang memerlukan.

“Tulah mesej sebenar yang kami ingin sampaikan,” ujarnya.

Bagi penerbit/pengarah filem itu, Enck Khidir Kassim, 32 tahun, mereka tidak menetapkan sasaran dari segi jumlah tontonan dan sebagainya namun gembira dengan sambutan orang ramai sejauh ini.

“Lebih daripada jumlah filem itu ditonton, kami harap filem ini mendorong orang ramai mengambil tindakan (untuk menyumbang),” katanya.

Suryi memaparkan seorang wanita warga emas dengan masalah pendengaran. Suaminya telah meninggal dunia dan beliau tinggal senrang diri di sebuah flat sewa satu bilik.

Beliau juga melakukan pelbagai pekerjaan untuk menagih hutangnya termasuk sebagai penyalut/sutuhbah, pekerja pembesihan dan penolong gerai.

Meskipun melalui kehidupannya seorang diri, wanita itu ternyata tidak kesendirian kerana hasil sumbangan zakat oleh masyarakat, ia dapat seiklik sebanyak ringgitan bebun di buahnya.

Selain sumbangan dalam bentuk wang, beliau juga menerima alat pendengaran

daripada pegawai zakat yang menyampaikan zakat kepadanya.

Ini membolehkannya mendengar suara sang suami yang dirakam di kaset, lalu mengisi kesunyiannya.

Tanpa menggunakan dialog, filem itu memaparkan lagu isih berjudul *Kiao Tak Seolah nyanyian Anni Musfirah*.

Menurut Enck Khidir, ini bertujuan menampilkan kesunyian yang dirasakan itu dengan lebih jelas.

Beliau juga berkata filem itu memaparkan individu daripada pelbagai bangsa kerana pasukannya ingin memaparkan satu kesan Singapura.

Menurut Ketua Pembangunan Kreatif Video dan Media Inersif Sweet, Cik Elvina Farkas, 29 tahun, adalah tidak tepat untuk mengatakan ini satu misi masyarakat tertentu sahaja.

“Kita semua matuasia dan warga Singapura, jadi kita harus hadapinya bersama.

“Dan kami ingin siapa yang menonton filem itu untuk rasa mereka dapat fahami situasi yang dipaparkan, tanpa mengira bangsa,” ujarnya.

Bagi menyuntik realisme dalam filem itu, setiap anggota pasukan juga telah menjalankan ‘kerja rumah’ masing-masing dengan turan padang meninjau keadaan di keliling mereka atau merenung pengalaman sendiri.

Bagi Enck Khidir misalnya, beliau memerhatikan warga emas yang selalu dilihat bersendirian di kelilingnya seperti di kedai makan dan masjid.

Malah, beliau juga meluangkan masa untuk bercakap dengan mereka.

“Bagi kebanyakan mereka, apa yang saya sejar ialah ketidakan sentuhan manusia itu yang betul-betul membuat mereka rasa sunyi.”

“Bukan kewangan kerana golongan ini boleh mendapatkan bantuan kewangan daripada agensi pemerintah, tetapi mereka sebenarnya rusa sunyi kerana tidak dapat merasakan sentuhan manusia itu,” katanya.

FILEM PENDEK: Filem pendek 'Suryi' yang tidak menggunakan dialog bagi memaparkan rasa suryi yang dirasa diharap dapat menggalak orang ramai tampil menyumbang kepada golongan yang memerlukan. – Foto FACEBOOK/ZAKAT SG



“I will light up your days”
“Hari mu kan ku terang!”